

13/10/2000

Mengatasi konflik baru Pergerakan Wanita Umno

Jamhariah Jaafar

SITUASI yang tercetus dalam Pergerakan Wanita Umno sekarang perlu ditangani dengan berhati-hati, ibarat 'menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus dan tepung tidak berselerak'.

Dengan semua pihak menerima konsep supaya Puteri Umno berdikari, perbincangan kini tertumpu kepada struktur dan pelaksanaannya dengan satu menyokong kuat cadangan ahli Majlis Tertinggi (MT), Azalina Othman, manakala satu kumpulan lagi menyanggah.

Jika mengikut kronologinya, idea untuk mewujudkan cabang Puteri Umno ini ditonjolkan selepas mesyuarat pemilihan kepemimpinan baru pergerakan itu pada Mei lalu.

Cadangan itu yang dialu-alukan oleh semua pihak, turut menerima restu Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tujuan utamanya ialah untuk menarik lebih ramai wanita muda, terutama profesional, menyertai Umno selepas menyedari ramai daripada kumpulan terbabit tidak begitu berminat kerana mempunyai kefahaman ia dikuasai oleh kumpulan veteran.

Sebagai susulan, Wanita Umno berbincang mengenai konsep dan struktur pembentukan Puteri Umno dan Ketuanya, Datuk Seri Rafidah Aziz, turut mengkaji beberapa cadangan dan akhirnya mendapati idea supaya ia diwujudkan dengan status kelab adalah yang terbaik.

Bagaimanapun, pada masa yang sama, Azalina mengemukakan kertas kerjanya membabitkan penubuhan yang dipanggilnya Pergerakan Puteri Umno (PPU) kepada kepemimpinan tertinggi parti.

Kontroversi tercetus apabila Azalina dalam kertas kerjanya mencadangkan supaya PPU diwujudkan dalam bentuk entiti tersendiri dengan mempunyai kuasa autonomi seperti Pergerakan Pemuda, yang sekali gus meletakkan sesiapa yang menjadi Ketua PPU mempunyai kedudukan setaraf dengan Naib Presiden parti.

Azalina dalam kertas cadangannya menjelaskan kedudukan PPU sebagai entiti tersendiri adalah penting untuk membantu menarik minat golongan wanita muda ke dalam parti berkenaan, terutama mereka yang berasa terpinggir dan tidak dapat mengaitkan diri dalam perjuangan Umno yang dianggap sebagai terpesong dan tidak dapat memberi perhatian terhadap kepentingan mereka.

"PPU dapat dilihat sebagai langkah proaktif dalam mengembalikan sokongan terhadap Umno, bukan saja daripada golongan muda, malah daripada rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

"Ia seterusnya menunjukkan Umno memandang serius hakikat kehakisan sokongan golongan muda terhadap parti," katanya dalam kertas cadangan berkenaan.

Bagaimanapun, Rafidah dalam kenyataan di Gelang Patah awal bulan lalu, berkata pergerakan yang diketuainya tidak bersetuju untuk menubuhkan Puteri Umno secara rasmi dengan hierarki dan komponen tersendiri, sebaliknya menjadikannya sama seperti kelab Umno kerana penubuhan dengan entiti berasingan hanya akan menjejaskan perpaduan ahli pergerakan itu.

Perdebatan menjadi semakin hangat apabila Dr Mahathir dan Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdulah Ahmad Badawi, membuat kenyataan bahawa Puteri Umno akan memiliki entiti sendiri.

Sebagai susulan, Pergerakan Wanita mengadakan mesyuarat tergepar dengan semua ketua wanita bahagian dan menyerahkan keputusan akhir kepada peringkat akar umbi.

Keputusan akar umbi itu dibentangkan pada Mesyuarat Exco di Kuantan, Isnin lalu, dan 90 peratus daripada mereka bersetuju supaya Puteri Umno mempunyai entiti berasingan dengan penyertaan mereka yang berusia 25 tahun ke bawah.

Struktur organisasinya juga dicadangkan dengan Ketua Puteri Umno sebagai Naib Ketua Wanita II pada peringkat Pusat, termasuk bahagian dan cawangan, dan secara automatik sebagai ahli Majlis Tertinggi (MT) dan ahli jawatankuasa bahagian.

Cadangan balas pergerakan itu kepada cadangan asal oleh Azalina ialah:

- * Pergerakan bersetuju dengan penubuhan Puteri Umno yang mempunyai strukturnya sendiri tetapi mempunyai hubungan kerjasama dengan Wanita Umno;

- * Bersetuju had umur Puteri Umno pada 25 tahun dengan ketuanya pada peringkat Pusat juga berumur kurang daripada 25 tahun;

- * Puteri Umno akan ditubuhkan pada peringkat cawangan dan bahagian, dengan mempunyai struktur ketua, naib ketua dan ahli jawatankuasa sendiri;

- * Ketua Puteri Umno akan menjadi Naib Ketua Kedua Wanita pada peringkat Pusat, cawangan dan bahagian;

- * Pada peringkat bahagian, Ketua Puteri Umno akan menjadi ahli jawatankuasa bahagian;

- * Ketua Puteri Umno akan dilantik sebagai ahli MT.

Jika diteliti cadangan balas ini, sebahagian daripada perjuangan Azalina sudah berjaya. Puteri Umno, jika diterima, akan mempunyai entiti sendiri, boleh membentuk wawasan, cita rasa dan perjuangan seperti yang dikehendaki oleh selera muda.

Bagaimanapun, perubahan had umur sudah pasti mengejutkan mereka di samping cadangan struktur organisasi, iaitu daripada cadangan asal Azalina, iaitu sama setaraf dengan Naib Presiden, kepada Naib Ketua Wanita II pada semua peringkat.

Naib Ketua Wanita Umno, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, yang juga Ketua Jawatankuasa Penubuhan Puteri Umno, berkata alasan Wanita dalam mencadangkan had umur itu ialah gambaran pertama jika orang bercakap mengenai Puteri ialah seorang wanita remaja, bukan wanita yang sudah dewasa.

Jika mereka memilih had umur di bawah 40 tahun seperti cadangan Azalina, atau 35 tahun seperti yang dipersetujui awal oleh MT, ia sudah tidak lagi menepati gambaran seorang gadis muda kerana ramai wanita Melayu dalam lingkungan umur berkenaan sudah beranak-pinak.

"Justeru, Wanita berasa bersesuaian dengan gelaran Puteri Umno, mereka yang menjadi ahli adalah dari kalangan remaja yang berminat untuk menyertai politik dan kemudian diserap ke dalam barisan utama (Wanita) selepas melepasi usia 25 tahun," katanya.

"Kita akan berikan mereka entiti sendiri. Golongan muda ini boleh mempunyai struktur organisasi mereka sendiri, program dan visi mereka sendiri.

"Tetapi kita mahu mereka ibaratkan Wanita ini sebagai ibu, dan seorang ibu akan terus mengawasi anak-anak walaupun mereka dibenar tinggal di luar, buat kegiatan sendiri tetapi pertalian yang ada tidak akan putus," katanya.

Perkara itu, kata Shahrizat, adalah penting kerana walaupun pengasingan boleh dibuat antara wanita tua dan muda, mereka perlu saling melengkapi kerana akhirnya dalam meleraikan sebarang isu wanita, mereka perlu bercakap dalam satu nada dan satu suara.

Beliau menegaskan, dengan keahlian lebih 1.2 juta orang sekarang, Wanita kini adalah kukuh dan sebarang pengasingan secara radikal hanya akan menggugat perpaduan dan kekukuhan Umno.

"Kita tidak boleh ada dua kumpulan wanita, iaitu yang muda dan yang tua

secara berasingan.

"Kita perlu membina jambatan yang boleh menghubungkan kedua-duanya. Kerana itu, kita membenarkan Puteri mempunyai entiti sendiri tetapi pada masa yang sama mempunyai suara dalam Pergerakan Wanita. Hanya dengan cara itu kita dapat mengembalikan kegemilangan Umno," katanya.

Justeru, jika dipandang sekali lalu, ternyata idea Azalina untuk PPU adalah mantap, menarik dan mampu memujuk golongan wanita, terutama kumpulan profesional, untuk menyertai Umno.

Tetapi kita juga perlu melihat aspek sebab dan akibat. Dua perkara utama yang perlu diteliti semua pihak ialah:

* Dengan keahlian 1.2 juta orang, Wanita Umno adalah kumpulan paling mantap daripada ketiga-tiga peringkat yang ada di dalam parti (peringkat tertinggi dan Pergerakan Pemuda). Sebarang cadangan untuk mengasingkan golongan muda dan 'tua' dalam pergerakan itu hanya akan memecahkan pergerakan itu kepada dua; dan

* Ahli veteran di dalam pergerakan yang juga dikenali dengan gelaran 'makcik', sudah pasti akan berasa tergugat dan perjuangan mereka tidak lagi diberi perhatian kerana sudah pasti tumpuan akan diberi kepada golongan berdarah muda lagi agresif.

"Jika itu kehendak wanita muda, baik diberikan saja keseluruhan pergerakan ini kepada mereka kerana jika permintaan itu diiktiraf, kumpulan wanita berusia di atas 40 tahun tidak lagi akan dipandang relevan di mata semua pihak," kata seorang pemimpin Wanita negeri meluahkan rasa kesalnya.

Justeru, semua ahli Wanita perlu memastikan sebarang keputusan dicapai adalah dalam situasi 'menang-menang'.

Sebarang cadangan harus mengambil kira sebab dan akibat kerana kita tidak mahu ada kumpulan yang akan berasa kecil hati dan terpinggir semata-mata untuk memenuhi tuntutan dan desakan daripada satu kumpulan yang lain.

(END)